

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA  
MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH SABAH  
CREATIVITY AND INNOVATION TECHNOLOGY EXHIBITION 2015  
(SCINTEX'15)**

**SABTU, 07 NOVEMBER 2015**

**DEWAN TERATAI, INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN  
KOTA KINABALU, SABAH**

---

*(SALUTATIONS TO BE UPDATED BY UKK)*

**YANG BERBAHAGIA DATUK DR. PANG CHAU LEONG**  
Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran

**YANG BERUSAHA CIK CHIN PHAIK YOONG**  
Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia

**YANG BERBAHAGIA DATUK DR. MOHD. YAAKUB HAJI JOHARI,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Sabah Economic Development and Investment  
Authority (SEDA)

**YANG BERUSAHA ENCIK MUHAMMAD AZIPH DATO' MUSTAPHA**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI AG. DAMIT HJ. AG. ANAK,**  
Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Belia dan Sukan Sabah

**YANG BERUSAHA ENCIK RUZLAN BIN ABD. MALEK**  
Pengarah, MARA Negeri Sabah

**YANG BERUSAHA PUAN LAW SHA GEK,**  
Head of the Sabah Branch, Intellectual Property Corporation of Malaysia  
(MyIPO)

Tetamu kehormat

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan media, peserta-peserta SCINTEX 2015, hadirin sekalian

Salam sejahtera, salam sehati sejiwa dan Salam 1Malaysia.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas jemputan ke Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah **SABAH CREATIVITY AND INNOVATION TECHNOLOGY EXHIBITION 2015 (SCINTEX'15)**.

2. Saya difahamkan penganjuran SCINTEX pada tahun ini merupakan penganjuran untuk kali kedua selepas pertama kali dianjurkan pada tahun lalu. Liputan penyertaan **SCINTEX'15** kali ini telah dibuka lebih meluas termasuk Sabah, Sarawak, Labuan dan Brunei. Syabas saya ucapkan kepada penganjur **Yayasan Inovasi Malaysia atau YIM** atas usaha dan komitmen yang berterusan dalam menggalak serta membudayakan kreativiti dan inovasi di segenap lapisan masyarakat.

Hadirin sekalian,

3. Penganjuran program seperti pertandingan Kreativiti dan Inovasi SCINTEX ini adalah selaras dengan hasrat dan usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi atau STI di kalangan rakyat Malaysia.

4. Saya percaya penyertaan industri, sekolah serta individu dalam pertandingan ini dapat mencetus inovasi yang merentasi pelbagai bidang dan berimpak tinggi. Pembudayaan inovasi dan kreativiti tidak boleh dihadkan kepada sesuatu kelompok masyarakat sahaja, sebaliknya perlu difahami dan diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat dalam pelbagai bidang kepakaran masing-masing.

5. Dalam era globalisasi ini, kita perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah baru.

6. Saya percaya terdapat banyak inovasi-inovasi yang dipertandingkan pada hari ini bersifat inklusif dan berimpak tinggi. Inovasi-inovasi ini sudah sewajarnya diketengahkan untuk dikomersilkan dan adalah menjadi tanggungjawab pihak MOSTI bagi memastikan inovasi-inovasi ini mendapat pengiktirafan yang sewajarnya selaras dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara yang bertujuan “menggalakkan penggunaan S&T sebagai satu alat untuk pembangunan ekonomi negara”.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Bercakap mengenai inovasi, banyak yang melihat kepada inovasi dari segi R&D atau inovasi dari segi produk. Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi cabang inovasi yang perlu diberi perhatian iaitu inovasi sosial. Inovasi sosial merupakan satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasai oleh rakyat. Kajian menunjukkan bahawa majoriti program inovasi sosial di dalam dan luar negeri adalah yang melibatkan kerjasama erat antara individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta.

8. Sehubungan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada tahun ini telah melancarkan ***MOSTI Innovation Social (MSI)*** yang berteraskan program jangkau luar (*outreach*) ke peringkat akar umbi meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea samada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan

sosial (*meeting unmet social needs*). MSI bukan sahaja dilihat akan **memberi manfaat kepada masyarakat** tetapi juga akan **meningkatkan keupayaan individu** untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak.

9. Sebanyak 94 projek Inovasi Sosial telah diluluskan dalam tahun 2015, yang melibatkan pelaburan hampir RM12.3 juta.

10. Di antara projek-projek MSI yang diluluskan adalah *Science Ambassador Program – Empowering the Community Via STI*, *OPS Jelajah Cyber 2.0 by MyCyberSecurity Clinic*, *Women Empowering Women: Match Me Test & Malaysian Integrity Test*, *Smart System Mushroom House for Oyster Mushroom Cultivation*, dan *Disaster Ready Communication Infrastructure for Flood*.

11. Dalam menjayakan inisiatif MSI ini, sektor awam memainkan peranan utama sebagai penyepadu dan fasilitator program inovasi sosial dalam berinteraksi dengan orang ramai supaya bekerjasama dengan sektor kerajaan, sektor swasta dan ahli akademik.

12. Sukacita juga saya maklumkan bahawa inisiatif inovasi sosial ini merupakan salah satu ‘*game changer*’ dan akan menjadi program tahunan dan berterusan sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

13. Adalah menjadi harapan saya dan MOSTI bahawa melalui MSI, keperluan sosial akan lebih diberi perhatian dan membantu proses transformasi negara, justeru saya juga ingin mencadangkan agar cabang inovasi sosial juga dimasukkan dalam SCINTEX pada pengajuran yang akan datang.

Hadirin yang dihormati,

14. Mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang bakal dinobatkan sebagai pemenang dan penerima anugerah SCINTEX 2015 pada hari ini.

15. Kejayaan anda pada hari ini diharap akan mendorong dan menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti ke arah penghasilankekayaan, penjanaan ilmu dan kesejahteraan rakyat di Borneo khususnya. Juga setinggi penghargaan kepada Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu dan Yayasan Inovasi Malaysia kerana berjaya menganjurkan SCINTEX 2015.

Sekian dan terima kasih.